

04/05/2002

Zainuddin sedia dedah rahsia Taib

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Senator Datuk Zainuddin Maidin hari ini menyatakan kesediaannya mendedahkan rahsia yang disimpan bekas Imam Besar Masjid Negara yang juga Ahli Parlimen Baling, Taib Azzamuddin Mohd Taib, sekiranya wakil rakyat Pas itu sanggup mengesahkan rahsia itu terlebih dulu.

"Saya menolak anggapan yang mengatakan saya berbohong sedangkan umum mengetahui Taib yang berbohong jika beliau menafikan rahsia itu," katanya ketika menghubungi Berita Harian di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Taib semalam yang menafikan dakwaannya sebelum ini Ahli Parlimen Baling itu menyimpan rahsia besar.

Sebaliknya, Taib dalam kenyataannya semalam mendakwa, kenyataan Zainuddin berhubung perkara itu dianggap bertujuan bukan setakat memburukkan dirinya, malah Pas secara keseluruhannya.

Selain itu, Taib dipetik berkata, beliau tidak perlu memberikan kenyataan berhubung rahsia besar kerana "tidak mahu berkelahi".

Taib seterusnya mencabar Zainuddin mendedahkan sendiri rahsia besar itu dengan mengatakan: "Jika Zainuddin mengetahui saya mempunyai rahsia, lebih baik jika rahsia itu didedahkan sendiri olehnya".

Sabtu lalu, akhbar melaporkan Zainuddin meminta Taib mendedahkan rahsia besar yang disimpannya sejak beberapa tahun lalu kerana ia boleh menyelamatkan orang Melayu daripada terus berpecah-belah.

Zainuddin berkata melalui kenyataan yang dibuat oleh Taib itu juga jelas memberi gambaran yang beliau sedar orang ramai tahu mengenai rahsia yang disimpannya.

"Ini terjelas dalam kenyataan yang dibuatnya kepada akhbar Mingguan Malaysia pada Ahad lalu dengan beliau dipetik sebagai berkata, apa nak didedahkan rahsia jika perkara yang dikatakan rahsia sudah diketahui umum dan tidak lagi menjadi rahsia," katanya.

Zainuddin berkata, apa yang dimaksudkan oleh Taib melalui kenyataannya masih dianggap sebagai rahsia selagi Taib yang terbabit secara langsung dengan rahsia berkenaan tidak pernah mengesahkan atau menafikannya.

Beliau berkata, pendedahan Taib berhubung rahsia itu akan dapat membuktikan kepada masyarakat bahawa beliau tidak lagi terbabit dalam konspirasi besar menjatuhkan kerajaan secara fitnah dan menimbulkan prasangka buruk terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya berpendapat Pas tidak akan terjebak dalam melakukan fitnah seperti ini sekiranya Taib dari awal lagi telah memberitahu partinya tentang hal sebenar yang diketahuinya.

"Masih tidak terlalu lewat baginya (Taib) untuk menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang Islam dan sebagai seorang ulama yang dihormati untuk mendedahkan perkara yang benar," katanya.

Malah Zainuddin berkata, orang ramai akan tetap menganggap Taib bersubahat dengan perkara yang mungkar sekiranya beliau tidak dapat mendedahkan kebenaran yang perlu dibuktikan.

Mengenai cabaran Taib sebelum ini yang meminta beliau supaya bertanding dalam pilihan raya untuk membuktikan sokongan orang ramai terhadapnya, Zainuddin berkata, beliau tidak berhasrat langsung bertanding dalam pilihan raya kerana tidak mempunyai cita-cita politik yang tinggi.

"Penyertaan saya dalam politik boleh dianggap sebagai sementara untuk membantu ramai orang yang ingin memulihkan kepimpinan negara yang tercabar

oleh komplot politik agama yang jahat dan kotor," katanya.
(END)